

Measat lancar **satelit** baharu

Pelancaran Measat-3d mampu tingkat kualiti capaian Internet, telekomunikasi di seluruh negara



Husain Jahit
melaporkan dari
Kourou,
French Guiana

Pengendali satelit utama negara, Measat Global Berhad (Measat) yang melancarkan satelit Measat-3d pada jam 5 pagi waktu Malaysia hari ini akan meningkatkan keupayaan capaian Internet yang mampu dimiliki di kawasan bandar atau sub-luar bandar serta kawasan sukar di-

masukinya dengan tumpunya adalah di Sabah dan Sarawak.

Syarikat telekomunikasi tempatan juga boleh mengambil kesempatan menggunakan Measat-3d

ini untuk menawarkan perkhidmatan data, suara dan video di sekitar tiga hingga lima peratus lagi kawasan populasi yang belum diliputi oleh penyambungan gentian optik atau jalur lebar tanpa wayar.

Dengan kos sekitar RM1.2 bilion, Measat-3d adalah yang paling komprehensif dan kompleks di dalam kumpulannya berbanding Measat-3a dan Measat-3b.

Satelit berbilang misi telekomunikasi itu di-

18
Anggaran tahun jangka hayat satelit Measat-3d

bangunkan oleh Airbus Defence and Space di atas platform Eurostar E3000 dengan berat 5,648 kilogram dan jangka operasi lebih 18 tahun menggunakan kuasa elektrik 12kW pada akhir hayatnya.


Ia juga akan melengkapkan fungsi bersama satelit Measat-3a dan Measat-3b yang terletak bersama dalam hotslot orbit 91.5° Timur, menggantikan kapasiti lama dan

MEASAT-3D
menelan kos sekitar RM1.2 bilion.

membina daya tahan untuk armada satelit Measat.

Satelit baharu itu juga akan memulihkan pertindihan dalam orbit dan kapasiti pengembangan yang tiada tandingan untuk perkhidmatan Direct-to-Home (DTH) Astro bersama-sama perkhidmatan penyiaran dan telekomunikasi di rantau ini.

KUALITI perkhidmatan telekomunikasi dan Internet dijangka bertambah baik selepas pelancaran Measat-3d.





SUASANA di luar Kompleks Pelabuhan Angkasa Arianespace yang turut menempatkan replika roket pelancarnya.

Satelit inisiatif terbaik tangani kos bina menara pemancar

Kuala Lumpur: Satelit Measat-3d akan melengkapkan lagi usaha syarikat telekomunikasi (telco) tempatan sedia ada menyediakan perkhidmatan ketersambungan jalur lebar berkelajuan tinggi merentasi seluruh negara, terutama di kawasan pedalaman dan terpencil.

Profesor Adjung Fakulti Teknologi dan Informatik Razak Universiti Teknologi Malaysia Dr Tharek Abd Rahman berkata, ini memandangkan telco memerlukan perbelanjaan tinggi untuk menyediakan kemudahan menara yang diper-

lukan bagi tujuan sambungan perkhidmatan jalur lebar di kawasan pedalaman tertentu di negara ini.

“Satelit Measat-3d itu boleh meliputi keseluruhan negara sedangkan telco sedia ada tidak boleh menampung keperluan negara kerana memerlukan kemudahan menara di daratan,” katanya kepada Bernama.

Dr Tharek berkata, satelit Measat-3d itu juga adalah lebih khusus bagi tujuan ketersambungan jalur lebar.

“Saya difahamkan bahawa satelit yang bakal dilancarkan ini mempunyai 10 kali

kapasiti lebih tinggi berbanding satelit sedia ada.

“Pada masa ini, kerajaan sedang memperluas liputan 4G. Teknologi 4G itu sendiri sudah memadai untuk memberi ketersambungan jalur lebar tetapi untuk membolehkan telco meliputi semua kawasan khususnya di pedalaman akan memerlukan kos amat tinggi. Inilah alasannya mengapa satelit ini diperlukan bagi melengkapkan perkhidmatan mereka,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Measat Satellite Systems Sdn Bhd

(Measat) Yau Chyong Lim berkata, pelancaran satelit itu membolehkan syarikat membantu mewujudkan masyarakat digital yang terangkum atau inklusif serta menyokong aplikasi jalur lebar berkelajuan tinggi seperti Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0), Internet Pelbagai Benda (IoT) dan teleperubatan.

“Menerusi perkhidmatan Measat-3d dan CONNECT-me NOW, kami menyasarkan untuk dapat mengisi jurang jalur lebar di lokasi tiada liputan rangkaian mudah alih 4G, 5G atau fiber di

Malaysia, bagi menyediakan akses Internet kepada penduduk terpinggir,” katanya.

Yau berkata, satelit Measat-3d yang dilancarkan dari tapak pelancaran European Spaceport di Kourou, French Guiana, akan memastikan pertumbuhan dan kelangsungan perkhidmatan berte-rusan untuk penyiar terkemuka di dunia serta televisyen satelit Perkhidmatan Langsung Ke Rumah (DTH) kepada lebih 20 juta isi rumah di seluruh Malaysia, Indonesia dan India.

Beliau berkata, satelit bernilai RM1.2 bilion itu yang

mempunyai jangka hayat selama 18 tahun, dimiliki oleh Measat – syarikat tempatan milik penuh rakyat Malaysia, namun keupayaan perkhidmatan Measat-3d sebaliknya lebih luas dan meliputi Asia Tenggara, Asia Pasifik, Afrika dan Eropah Selatan.

“Measat-3d akan melengkapkan lagi Measat-3a dan Measat-3b pada 91.5 ° E ‘hotslot’ yang menyediakan peningkatan dan lebih kapasiti untuk perkhidmatan DTH Astro selain perkhidmatan penyiaran, telekomunikasi, dan jalur lebar Internet,” katanya. - Bernama